



## SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Perbadanan Putrajaya**

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

### 3,000 MERIAHKAN PUTRAJAYA PARK'S DAY SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

**PUTRAJAYA, 10 Februari 2019** – Hampir 3,000 pengunjung memeriahkan program Putrajaya Park's Day anjuran Perbadanan Putrajaya bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang di Padang Semarak Taman Wetland, Presint 13.

Majlis Pelancaran Putrajaya Park's Day yang julung kali diadakan ini disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Bin Abd Samad. Turut hadir bersama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim dan Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Majlis ini turut menyaksikan pelepasan peserta larian SHERUN oleh YBrs. Dr. Zaitun Binti Abu Bakar, isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan. Larian santai SHERUN ini melibatkan 2,600 orang peserta dengan jarak larian 3 km, 5 km dan 8 km.

Putrajaya Park's Day merupakan inisiatif PPj untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan yang terdapat di taman-taman awam Putrajaya bagi tujuan riadah dan rekreasi. Selain itu juga, ia bertujuan bagi memperkenalkan Taman Wetland Putrajaya sebagai salah satu lokasi penganjuran aktiviti dan program berunsur pendidikan terutama mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan sepanjang program Putrajaya Park's Day antaranya Putrajaya Animal Lovers Fiesta (PALoF) yang berkonsepkan petting zoo dan Jejak Taman Putrajaya yang mengetengahkan aktiviti permainan tradisional rakyat seperti Congkak, Tarik Upih, Capteh, Batu Seremban, Baling Selipar dan Sepak Raga.

Antara aktiviti lain yang turut diadakan ialah pameran burung, sesi perkongsian ilmu aktiviti sukan memanah, gerai-gerai jualan dan *food truck* yang menjual pelbagai juadah makanan serta minuman.

Putrajaya Park's Day diilhamkan dari World's Park Day yang disambut di kebanyakan negara maju setiap tahun. Acara ini juga dianjurkan bersempena Hari Wetland Sedunia dan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Putrajaya Park's Day dijayakan dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan serta kerjasama dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Red Adventure Sdn Bhd, Panah Lagenda Enterprise, Kelab Kucing Malaysia, Persatuan Seniman Merbuk Malaysia dan The Malaysia Parks Amenity and Recreation Management Society (MyParks).

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-3354346 atau e-mel ke alamat m.fairus@ppj.gov.my

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 8 Februari 2019